



## ڤجابت فقاره تانه دان گالین جوهر

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR  
BANGUNAN DATO MOHAMAD SALLEH PERANG,  
KOTA ISKANDAR,  
79576 ISKANDAR PUTERI,  
JOHOR DARUL TA'ZIM

Pejabat Am : 07-2666880/81  
Pengaruh : 07-2666879  
Fax Pejabat : 07-2661433



Ruj Tuan :

Ruj Kami : PTG02/08/03/0103/0023/2019/0812/2019(6)

Tarikh : **31 Mei, 2020**

### Sebagaimana Lampiran

Tuan,

### PINDAAN SYARAT NYATA TANAH BAGI PERUMAHAN RAKYAT JOHOR

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Hasil Bumi dalam mesyuaratnya pada 11.12.2019 sebagaimana Kertas J/HB(T)1663/B/2019 telah **BERSETUJU** dengan cadangan pindaan syarat nyata daripada :

#### Syarat Nyata Asal :

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa **dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan seperti mana di para (1) hendaklah SIAP DIDIRIKAN.**

#### Dipinda kepada :

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa **dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan seperti mana di para (1) hendaklah MULA DIBINA.**

3. Bagi tujuan perubahan sekatan tersebut hendaklah menggunakan Borang 7C dan dipusatkan di PTG Johor bagi hakmilik-hakmilik Pejabat Pendaftar dan di Pejabat Tanah Daerah berkenaan bagi hakmilik Pejabat Tanah Daerah.

4. Sehubungan dengan itu, untuk maksud tersebut pemilik berdaftar perlu mengambil tindakan untuk membuat permohonan pindaan syarat syarat tersebut di Pejabat Tanah Daerah dan seterusnya didaftarkan di PTG Johor bagi hakmilik Pejabat Pendaftar.

5. Bersama-sama ini dikembangkan **Pekeliling Pindaan PTG Johor Bil. 3 tahun 2020** untuk rujukan dan tindakan pihak Tuan,

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(**DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD KADIR**)  
Pengarah Tanah dan Galian Negeri  
Johor

*Lampiran*

1. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru  
Karung Berkunci 738  
80990 Johor Bahru  
Johor
2. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya  
Bangunan Pejabat Kerajaan  
Jalan Pejabat Kerajaan  
81000 Kulaijaya  
Johor
3. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Muar  
Bangunan Sultan Abu Bakar  
Peti Surat 72  
84007 Muar  
Johor
4. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat  
Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail  
Jalan Bakau Chondong  
Karung Berkunci 521  
83000 Batu Pahat  
Johor
5. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Kluang  
Jalan Pejabat Kerajaan  
86000 Kluang  
Johor
6. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Pontian  
Aras Bawah, Bangunan Sultan Ismail  
82000 Pontian  
Johor
7. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Segamat  
KM 5, Jalan Genuang  
85000 SEGAMAT  
Johor

8. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi  
Aras 1, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Tun Habab  
81900 Kota Tinggi  
Johor
9. Pentadbir Tanah Daerah Ledang  
Pejabat Tanah Daerah Ledang  
Jalan Dataran 1  
84900 Tangkak  
Johor
10. Pentadbir Tanah Daerah  
Pejabat Tanah Daerah Mersing  
Aras Bawah, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan  
Jalan Ibrahim  
86800 Mersing  
Johor
11. Penolong Pentadbir Tanah  
Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang  
Aras 3, Bangunan Kejora  
Jalan Dato' Onn, Bandar Penawar  
Pengerang, 81600 Kota Tinggi  
Johor
12. Penolong Pentadbir Tanah  
Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis  
Labis, 85300 Labis  
Johor
13. Penolong Pentadbir Tanah  
Pejabat Tanah Daerah Kecil Rengit  
666, Jalan Pejabat  
83100 Rengit, Batu Pahat  
Johor
14. Pertubuhan Jurukur Diraja Malaysia  
No 129, Jalan Rawa  
Taman Perlis  
81200 Johor Bahru
15. REHDA Johor  
No. 27-C, Jalan Glasier  
Taman Tasek  
80200, Johor Bahru  
Johor

PEKELILING  
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR  
BIL : 3 TAHUN 2020

PINDAAN SYARAT NYATA TANAH  
BAGI PERUMAHAN RAKYAT JOHOR

1. **TUJUAN :-**

Pekeling ini disediakan untuk makluman mengenai pindaan syarat nyata tanah bagi Perumahan Rakyat Johor.

2. **LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeling Am Kerajaan Johor Bilangan 1 Tahun 2014 di para 13.2 telah menyatakan bahawa "Perumahan Komuniti Johor (PKJ A) dan (PKJ B), Rumah Mampu Milik Johor dan Kedai Kos Sederhana" ianya hendaklah disiapkan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah maksud Seksyen 122 (c) Kanun Tanah Negara dibaca bersama Seksyen 120 Kanun Tanah Negara.
- 2.2 Berdasarkan daripada maklumbalas yang diterima oleh pentadbiran ini pemaju berhadapan dengan masalah berkaitan dengan pengenaan syarat nyata "Perumahan Komuniti Johor (PKJ A) dan (PKJ B), Rumah Mampu Milik Johor dan Kedai Kos Sederhana" ianya hendaklah disiapkan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah maksud Seksyen 122 (c) Kanun Tanah Negara dibaca bersama Seksyen 120 Kanun Tanah Negara kerana dalam tempoh 2 tahun itu, rumah masih belum lagi disiapkan tetapi pembinaan atas tapak telahpun bermula. Perkara ini menyebabkan pemaju berhadapan dengan masalah bantuan kewangan di pihak bank dan juga kepada pembeli yang hendak membeli unit-unit itu kerana unit-unit itu masih lagi di dalam pembinaan tetapi belum disiapkan untuk tempoh 2 tahun itu.

2.3 PTG mencadangkan agar tempoh slap dibina 2 tahun itu hendaklah ditukar kepada mula dibina dalam tempoh 2 tahun. Pandangan PTG ini selari dengan Seksyen 122(c) Kanun Tanah Negara yang menyatakan sebagaimana berikut:

*Where in pursuance of section 52 any land is alienated under this Act subject to the category "building" or the category "industry" the State Authority may in the exercise of its powers under section 120 (and with prejudice to the generality of those powers) impose such conditions as it may think fit with respect to:*

*(c) the dates on or before which any such building is to be commenced or completed;*

2.4 Rujukan telah dibuat ke atas Seksyen 122(c) KTN 1965 di mana ia jelas menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri bolehlah dalam menjalankan kuasanya di bawah Seksyen 120 KTN 1965 mengenakan sebarang syarat yang difikirkan sesuai mengenai tarikh-tarikh pada ATAU sebelum mana apa-apa bangunan sedemikian hendak dimula ATAU diselesaikan. Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri bolehlah menetapkan syarat yang difikirkan bersesuaian dan peruntukan di bawah Seksyen 124 KTN 1965 adalah terpakai. Kuasa di bawah Seksyen 124 KTN 1965 ini telah juga dirujuk dalam kes **TOH HUAT KHAY v LIM A CHANG [2010] 7 CLJ 261** yang menyatakan:

*"The power to impose conditions is vested in the State Authority by section 120 of the Code. Additionally, section 124 of the Code confers upon the State Authority the power to alter or rescind any conditions expressed in a title."*

*"I am of the view that s. 124 of the Code is a mandatory statutory provision and any requirement contained therein has to be complied with before the State Authority can exercise its power to consent for the transfer any land which is subject to a restriction in interest such as the one found in the instant appeal."*

2.5 Jawatankuasa Hasil Bumi dalam mesyuaratnya pada 11.12.2019 sebagaimana Kertas J/HB(T)1663/B/2019 telah **BERSETUJU** dengan cadangan pindaan syarat nyata daripada :

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan seperti mana di para (1) hendaklah siap didirikan.

Dipinda kepada :

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan seperti mana di para (1) hendaklah mula dibina.

#### 4. **KETETAPAN PIHAK BERKUASA NEGERI :**

Bagi melaksanakan arahan Pihak Berkuasa Negeri maka pekeliling ini dizahirkan bagi memberi penerangan kepada semua pihak yang berkaitan mengenai perkara berikut:

- i. Syarat nyata bagi Perumahan Rakyat Johor dan Rumah Mampu Biaya adalah dipinda sebagaimana berikut :

**Syarat Asal :**

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan seperti mana di para (1) hendaklah **SIAP DIDIRIKAN**.

Dipinda kepada :

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan seperti mana di para (1) hendaklah **MULA DIBINA**.

- ii. Bagi tujuan perubahan sekatan tersebut hendaklah menggunakan Borang 7C dan dipusatkan di PTG Johor bagi hakmilik-hakmilik Pejabat Pendaftar dan di Pejabat Tanah Daerah berkenaan bagi hakmilik Pejabat Tanah Daerah.

#### 5. PEMAKAIAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling baru ini maka perkara di para 13.2 sebagaimana yang terzahlr dalam Pekeling Am Kerajaan Johor Bilangan 1 Tahun 2014 adalah **TERBATAL** dan dipinda sebagaimana berikut:

**Syarat Asal :**

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan **sepertimana di para (1)** hendaklah **SIAP DIDIRIKAN**.

**Dipinda kepada :**

Selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 122 KTN, dengan ini menetapkan bahawa dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik bangunan **sepertimana di para (1)** hendaklah **MULA DIBINA**.

#### 6. TARIKH KUATKUASA

Pekellling ini hendaklah dilaksanakan pemakaiannya **SERTA MERTA** dan akan terus berkuatkuasa sehingga ada satu arahan lain yang akan mengatasinya kelak.

**(DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD KADIR)**

**Pengarah Tanah dan Galian Johor**

Tarikh :  
Ruj. Fail :  
Disediakan Oleh :  
*RID/SS/AHA/Farhana*

: 31 Mei, 2020  
: PTG02/08/03/0103/0023/2019/08/12/2019  
: Bahagian Pembangunan, PTG Johor

